



4 Februari 2020
4 February 2020
P.U. (A) 51

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2020

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (AMENDMENT) ORDER 2020

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (Pindaan) 2020**.

(2) Subperenggan 2(*a*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2020.

(3) Subperenggan 2(*b*) dan 2(*c*) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 21 Mei 2018.

Pindaan Jadual

2. Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2019 [*P.U. (A) 132/2019*] dipinda dalam Jadual—

(*a*) berkenaan dengan Kementerian Pendidikan—

(i) dengan menggantikan nama “Dr. Maszlee bin Malik” dalam ruang “*Nama*” dengan nama “Tun Dr. Mahathir bin Mohamad”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “21 Mei 2018” dalam ruang “*Nama Jawatan/Tarikh pelantikan*” yang terdapat berseketengan dengan nama “Tun Dr. Mahathir bin Mohamad” dalam ruang “*Nama*” sebagaimana yang dipinda, dengan perkataan “3 Januari 2020”;

- (b) berkenaan dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, dengan memotong butiran “Unit Perancang Ekonomi (UPE)” dalam ruang “*Jabatan/Perkara*”; dan
- (c) berkenaan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dengan menggantikan butiran “Syarikat Perumahan Rakyat 1 Malaysia Berhad (PR1MA)” dalam ruang “*Jabatan/Perkara*” dengan butiran “Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia”.

Dibuat 31 Januari 2020
[BKPP.R.700-2/1/1 JLD. 7; PN(PU2)18/XXXVI]

Dengan Titah Perintah

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Setiausaha Jemaah Menteri

MINISTERIAL FUNCTIONS ACT 1969

MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (AMENDMENT) ORDER 2020

IN exercise of the powers conferred by section 2 of the Ministerial Functions Act 1969 [Act 2], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Ministers of the Federal Government (Amendment) Order 2020**.

(2) Subparagraph 2(a) is deemed to have come into operation on 3 January 2020.

(3) Subparagraphs 2(b) and 2(c) are deemed to have come into operation on 21 May 2018.

Amendment of Schedule

2. The Ministers of the Federal Government Order 2019 [P.U. (A) 132/2019] is amended in the Schedule—

(a) in respect of the Ministry of Education—

(i) by substituting for the name “Dr. Maszlee bin Malik” in the “*Person*” column the name “Tun Dr. Mahathir bin Mohamad”; and

(ii) by substituting for the words “21 May 2018” in the “*Style and Title/Date of Appointment*” column appearing against the name “Tun Dr. Mahathir bin Mohamad” in the “*Person*” column as amended, the words “3 January 2020”;

(b) in respect of the Ministry of Economic Affairs, by deleting the item “Economic Planning Unit (EPU)” in the “*Department/Subject*” column; and

- (c) in respect of the Ministry of Housing and Local Government, by substituting for the item “Syarikat Perumahan Rakyat 1 Malaysia Berhad (PR1MA)” in the “*Department/Subject*” column the item “Perumahan Rakyat 1Malaysia Corporation”.

Made 31 January 2020

[BKPP.R.700-2/1/1 JLD. 7; PN(PU2)18/XXXVI]

By Command

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
Secretary to the Cabinet